

10 DEC 1997

BEKAS PERAJURIT SARAN ANGGOTANYA MENABUNG DAN BELI BARANG TEMPATAN

KOTA BAHARU, 10 Dis (Bernama) -- Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM) menyarankan anggota-anggotanya supaya mengamalkan sikap menabung dan membeli barangan buatan tempatan dalam usaha menangani masalah ekonomi negara.

Presidennya, Datuk Muhammad bin Ghani berkata, tabiat seperti itu amat perlu pada semua anggotanya di saat negara sedang mengalami kemelesetan ekonomi.

"PBPM yakin keadaan ekonomi sekarang akan pulih seperti sediakala jika badan-badan korporat juga turut berganding bahu dengan tidak ghairah membuat pelaburan di luar negara," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan anggotanya daripada Negeri Sembilan di sini, hari ini.

Muhammad berkata, pihaknya tetap berdiri teguh di belakang kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani krisis ekonomi sekarang dan sentiasa menyokong sebarang keputusan kerajaan.

Persatuan itu kini mempunyai keanggotaan seramai 170,000 orang di seluruh negara, katanya.

Sehubungan itu, PBPM akan sentiasa membantu dan membela nasib anggota-anggotanya agar terus terjamin dan akan menggiatkan usaha bagi menarik minat seramai 130,000 lagi yang belum menjadi anggota.

-- BERNAMA

ZI PR